

## **LUAS LANTAI DAN LEBAR BILIK BILIK**

Setiap bilik mestilah mempunyai keluasan tidak kurang dari 9.29meter persegi dan kelebaran bilik tidak kurang dari 2.60meter panjang

## **CAHAYA DAN PENGUDARAAN**

Setiap pembinaan bilik baru; KELUASAN LUBANG JENDILA MESTILAH TIDAK KURANG DARI 1/10 (10%) DARI KELUASAN LANTAI BILIK TERSEBUT DAN LUBANG JENDILA TERSEBUT MEMBOLIHKAN PENGALIRAN UDARA TIDAK KURANG ½ (50%) DARIPADA KELUASAN NYA

Bilik mandi dan Tandas KELUASAN LUBANG JENDILA MESTILAH TIDAK KURANG DARI 1/5 (20%) DARI KELUASAN LANTAI BILIK TERSEBUT DAN LUBANG JENDILA TERSEBUT MEMBOLIHKAN PENGALIRAN UDARA TIDAK KURANG ½ (50%) DARIPADA KELUASAN NYA

## **KEHENDAK KEHENDAK BINAAN**

Permohonan tambahan dan ubahsuai hanyalah untuk **DI TINGKAT BAWAH SAHAJA.**

Cadangan paras lantai bawah hendaklah tidak kurang 150mm tinggi dari paras tanah atau parit perkelilingan rumah. Ketinggian SILING hendaklah selaras dengan ketinggian siling bangunan asal.

## **PENDAWAIAN ELEKTRIK**

Kerja kerja Pendawaian elektrik mestilah mengikut peraturan peraturan dan tertaklok kepada kebenaran;

Bahagian Perkhidmatan Bangunan,  
Jabatan Perkhidmatan Teknikal  
Jabatan Kerja Raya,  
Negara Brunei Darussalam.

Penyambongan elektrik baru hendaklah disambong ka METER ASAL.

**Untuk Sebarang pertanyaan sila hubungi:-**

Bahagian Arkitek  
Tingkat II,  
Jabatan Kemajuan Perumahan  
Lapangan Terbang Lama Berakas  
Tel : 2382145/6/7



## **JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



## **GARIS PANDU MENAMBAH DAN UBAHSUAI KEATAS RUMAH RUMAH TERES DIBAWAH RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DISEDIAKAN OLIH  
BAHAGIAN ARKITEK  
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



## **SYARAT SYARAT MENAMBAH & UBAHSUAI**

Permohonan untuk menambah dan mengubahsui rumah rumah teres dibawah Rancangan Perumahan Negara dimestikan mematuhi dan memenohi garis pandu yang telah disediakan oleh Bahagian Arkitek, Jabatan Kemajuan Perumahan, sabelum sijil kebenaran untuk membangun dapat dikeluarkan oleh pihak Jabatan.

Pemohon hendaklah menghadapkan TUJUH (7) SET pelan pelan lukisan tambahan yang lengkap melalui arkitek yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.

### **PROSEDUR PENGHANTARAN:**

#### **RUMAH RUMAH TERES DI RPN DAERAH BELAIT.**

- Dua (2) set lukisan dihadapkan ke Jabatan Kemajuan Perumahan, cawangan Belait,
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Bahagian Arkitek Jabatan Kemajuan Perumahan, di ibu-pejabat Jabatan kemajuan Perumahan, Berakas
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Bahagian Struktur, Jabatan Kemajuan Perumahan, di ibu-pejabat Jabatan kemajuan Perumahan, Berakas
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Jabatan Bomba & Penyelamat cawangan Daerah Belait,
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya

#### **RUMAH RUMAH TERES DI KAWASAN RPN BRUNEI MUARA**

- Empat (4) set lukisan dihadapkan ke Bahagian Arkitek Jabatan Kemajuan Perumahan, di ibu-pejabat Jabatan kemajuan Perumahan, Berakas
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Jabatan Bomba & Penyelamat.
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Jabatan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Berakas,
- Satu (1) set lukisan dihadapkan ke Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya

## **GARIS PANDU MENAMBAH BANGUNAN**

### **UKURAN BANGUNAN**

- Ukuran panjang tambahan bangunan TIDAK boleh melebihi 7.4 Meter (yakni bersamaan dengan ukuran panjang bangunan asal)
- Ukuran bagi LEBAR tambahan tidak boleh melebihi 5.2 Meter
- Tambahan dibahagian Hadapan bangunan adalah TIDAK dibenarkan sama sekali. Ini adalah untuk mengekalkan estitika yang selaras bagi keseluruhan blok bangunan.

### **ESTITIKA**

- Setiap cadangan Tambahan mestilah selaras dengan konsep rekabentuk rumah rumah teres yang dibina dibawah skim Rancangan Perumahan Negara. Ini termasuklah bentuk bangunan yang dicadangkan, ketinggian rumah serta aspek aspek lain yang boleh menjejaskan estitika perancangan.
- Tambahan dibahagian Hadapan bangunan adalah TIDAK dibenarkan sama sekali. Ini selaras dengan konsep untuk mengekalkan estitika yang sama bagi keseluruhan blok bangunan.

### **SKIM WARNA & BAHAN BINAAN**

Warna bagi tambahan bangunan baru dibahagian luar hendak sama dengan warna yang asal. Begitu juga dengan penggunaan bahan bahan binaan serta warna atap hendaklah selaras dengan yang asal.

### **TUTURAN ATAP**

Tuturan atap yang bertentangan dengan unit rumah yang bersebelahan hendaklah tidak BOLIH KURANG dari 400mm dari sempadan dinding atau pagar